KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## KHAMIS, 26 OKTOBER 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



26/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **KEYNOTE ADDRESS BY YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=SkBcMQMH5Bg | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **HOLISTIC APPROACH VITAL TO STEM CHILD ABUSE** | |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/holistic-approach-vital-to-stem-child-abuse/ | NEWSARAWAKTRIBUE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **DIDIK RAKYAT 'JAGA TEPI KAIN' TANGANI PENDERAAN SEKSUAL KANAK-KANAK** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1169068/didik-rakyat-jaga-tepi-kain-tangani-penderaan-seksual-kanak-kanak | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **MASUKKAN KANAK-KANAK TANPA KERAKYATAN DALAM MANDAT SURUHANJAYA - MP** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/684166 | MALAYSIAKINI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **PENDERAAN KANAK-KANAK** | |
| | https://suarasarawak.my/penderaan-kanak-kanak/ | SUARASARAWAK.MY |

26/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **GOVT URGED TO CHECK ON ILLEGAL CHILDCARE CENTRES** | |
| | https://www.thesundaily.my/local/govt-urged-to-check-on-illegal-childcare-centres-HA11663260 | THESUNDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **OKU’S PLIGHT SHOWS URGENCY OF MIRI HAVING GOVT-FUNDED CENTRE FOR FOLKS WITH SPECIAL NEEDS** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/10/25/okus-plight-shows-urgency-of-miri-having-govt-funded-centre-for-folks-with-special-needs/ | THEBORNEOPOST.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **WANITA OKU MASAK BURGER TARIK 13.9 JUTA TONTONAN DI TIKTOK** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/631255/edisi/selangor-kl/wanita-oku-masak-burger-tarik-139-juta-tontonan-di-tiktok | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **AKTA 792: BERI MESEJ KEPEDULIAN TERHADAP JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK** | |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/akta-792-beri-mesej-kepedulian-terhadap-jenayah-seksual-kanak-kanak-x8p2svs | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **RAMALAN CUACA TIDAK MENENTU, MPKJ SIAP SEDIA KEMUNGKINAN BAH** | |
| | https://selangorkini.my/2023/10/ramalan-cuaca-tidak-menentu-mpkj-siap-sedia-kemungkinan-bah/ | SELANGORKINI.MY |

26/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **LIMA DITAHAN TERLIBAT PERGADUHAN, SEBABKAN KEMATIAN WARGA EMAS** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lima-ditahan-terlibat-pergaduhan-sebabkan-kematian-warga-emas-443262 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/631294/berita/semasa/lima-ditahan-bergaduh-kerana-hutang-sebabkan-kematian-warga-emas | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1023445/lima-ditahan-terbabit-pergaduhan-sebabkan-kematian-warga-emas | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/jenayah/akibat-hutang-pergaduhan-bersenjata-sebabkan-warga-emas-maut/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/25/angkara-hutang-lima-lelaki-ditahan-disyaki-gaduh-bersenjata-sebabkan-kematian-warga-emas | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://suarasarawak.my/pergaduhan-kejar-mengejar-lima-lelaki-bersenjata-ragut-nyawa-warga-emas-di-sibu/ | SUARASARAWAK.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2238163 | BERNAMA.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1169104/5-lelaki-ditahan-bergaduh-kerana-hutang-sebabkan-kematian-penunggang | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/25/5-ditahan-gaduh-bersenjata-sebabkan-kematian-warga-emas/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=JUDQBHY7-WA | YOUTUBE |
| | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/30772-gaduh-gara-gara-hutang-lima-lelaki-ditahan-sebabkan-kematian-warga-emas | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **WANITA OKU MASAK BURGER TARIK PERHATIAN RAMAI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/631414/video/socmed-flash/wanita-oku-masak-burger-tarik-perhatian-ramai | SINARHARIAN.COM.MY |

26/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **10 AGENSI BENCANA DI PERAK ADAKAN SIMULASI HADAPI MONSUN TIMUR LAUT** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/30785-10-agensi-bencana-di-perak-adakan-simulasi-hadapi-monsun-timur-laut | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2238340 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **PELAN TINDAKAN OKU MUSLIM UNTUK OKU DAPAT KEFAHAMAN BAIK TENTANG ISLAM** | |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/pelan-tindakan-oku-muslim-untuk-oku-dapat-kefahaman-baik-tentang-islam-KA11668130 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2238424 | BERNAMA.COM |
| | https://selangorkini.my/2023/10/menteri-jakim-gubal-pelan-pastikan-oku-muslim-lebih-hayati-islam/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://thepeak.com.my/in-the-news/pink-october-breast-cancer-awareness/ | THEPEAK.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **KEDUDUKAN WANITA PERLU DIANGGAP SETARAF DENGAN LELAKI BANGUNKAN NEGARA - TUN M** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/631430/berita/nasional/kedudukan-wanita-perlu-dianggap-setaraf-dengan-lelaki-bangunkan-negara---tun-m | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/wanita-perlu-diberi-lebih-ruang-sebagai-pembuat-keputusan-zuraida/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kedudukan-wanita-perlu-dianggap-setaraf-dengan-lelaki-untuk-bangunkan-negara-tun-m-443344 | ASTROAWANI.COM |

26/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **KHIANAT DENGAN API, DUA REMAJA DIHUKUM CUCI TANDAS 100 JAM** | |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/khianat-dengan-api-dua-remaja-dihukum-cuci-tandas-100-jam-HA11666634 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/dua-remaja-sebabkan-kematian-rakan-dihukum-cuci-tandas-enam-bulan/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/25/dua-remaja-main-api-tragedi-rakan-mati-dihukum-cuci-tandas-100-jam/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/25/sebabkan-kematian-rakan-2-remaja-diperintah-cuci-tandas/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/khianat-dengan-api-dua-remaja-mengaku-salah/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2023/10/25/remaja-maut-rentung-dalam-tandas-dibakar-oleh-rakan-tertuduh-dihukum-cuci-tandas-6-bulan/ | THERAKYATPOST.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/khianat-dengan-api-dua-remaja-dihukum-cuci-tandas-100-jam-443310 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/10/971296/arson-two-teenagers-sentenced-clean-toilet-100-hours | NST.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1023568/dua-remaja-diperintah-cuci-tandas-sebab-kematian-rakan-dalam-kebakaran | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **WIT, PERKASA WANITA DALAM INDUSTRI PENDIGITALAN** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/30794-wit-perkasa-wanita-dalam-industri-pendigitalan | BERITA.RTM.GOV.MY |

26/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **WANITA ROHINGYA, 2 ANAK PEREMPUAN DITAHAN TERBABIT KES PECAH RUMAH** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/25/wanita-rohingya-2-anak-perempuan-ditahan-terbabit-kes-pecah-rumah/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1169060/polis-tahan-3-beranak-warga-rohingya-aktif-pecah-rumah | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-tiga-beranak-warga-rohingya-terlibat-pecah-rumah-443246 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/631274/berita/semasa/tiga-beranak-warga-rohingya-aktif-pecah-rumah-diberkas | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/ibu-tunggal-rohingya-dan-dua-anak-diberkas-kes-pecah-rumah-x8p2wg2 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **USAHAWAN WANITA DAFTAR SSM, BANTU DAPAT DANA** | |
| | https://www.melakahariini.my/usahawan-wanita-daftar-ssm-bantu-dapat-dana/ | MELAKAHARIINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **JPJ MASIH DALAM PERINGKAT 'MEMBERI KESEDARAN' PENGGUNAAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/25/jpj-masih-dalam-peringkat-memberi-kesedaran-penggunaan-kerusi-keselamatan-kanak-kanak | UTUSANBORNEO.COM.MY |

26/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **BAYI PEREMPUAN 16 BULAN MAUT TERTINGGAL DALAM KERETA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/631377/berita/semasa/kanak-kanak-perempuan-maut-tertinggal-dalam-kereta | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1169186/budak-perempuan-16-bulan-maut-tertinggal-dalam-kereta | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=_YYTJ4629cE | YOUTUBE |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/bayi-berusia-setahun-tertinggal-dalam-kereta-maut/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1023543/bayi-maut-tertinggal-dalam-kereta-di-kampus | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/25/bayi-perempuan-16-bulan-maut-tertinggal-dalam-kereta-bapa/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-maut-tertinggal-dalam-kereta-443311 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-16-bulan-maut-selepas-tertinggal-dalam-kereta-di-kampus/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2238299 | BERNAMA.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/25/bayi-16-bulan-maut-tertinggal-dalam-kereta-di-universiti/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://selangorkini.my/2023/10/budak-perempuan-maut-selepas-tertinggal-dalam-kereta/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://majoriti.com.my/berita/2023/10/25/lupa-hantar-anak-ke-pusat-asuhan-ipta-bayi-perempuan-16-bulan-maut-tertinggal-dalam-kereta-bapa | MAJORITI.COM.MY |

26/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **PROGRAM SITHAM PERUNTUK RM300,O00 BANTU OKU, BELIA KEMBANG NIAGA** | |
| | https://selangorkini.my/2023/10/program-sitham-peruntuk-rm300o00-bantu-oku-belia-kembang-niaga/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **WARGA EMAS DITEMUKAN MATI DALAM KEADAAN BERLUMURAN DARAH** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/warga-emas-ditemukan-mati-dalam-keadaan-berlumuran-darah/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **WARGA EMAS DITAHAN MILIKI DADAH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/631391/berita/semasa/warga-emas-ditahan-miliki-dadah | SINARHARIAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 300 PENGGIAT KRAFTANGAN PERKENAL SENTHAN KREATIF | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 300 penggiat kraftangan perkenal sentuhan kreatif



*Tunku Azizah dan Tengku Permaisuri Norashikin melihat produk yang dipamerkan pada Program Memperkasa Penggiat Kraf Tempatan bertemakan The Tunku Azizah Handmade Market: A Home For Malaysia Crafters, di Pavilion Bukit Jalil Exhibition Centre.* (Foto Nabila Adlina Azahari/BH)

**Kuala Lumpur:** Pelbagai program bagi memperkasa pemasaran aneka produk kraf tangan tempatan dilaksanakan untuk menyemarakkan industri itu ke tahap lebih tinggi, sekali gus mampu meningkatkan pendapatan kepada penggiatnya.

Misalnya, Program Memperkasa Penggiat Kraf Tempatan di Pavilion Bukit Jalil, dekat sini diadakan selama empat hari berakhir Ahad lalu, menjadi platform penggiat seni kraftangan membina jaringan perniagaan sambil memperkenalkan sentuhan kreatif hasil seni masing-masing.

Disertai lebih 300 penggiat seni kraftangan tanah air, program bertemakan *The Tunku Azizah Handmade Market: A Home For Malaysian Crafters* turut bermatlamat memperkasa penggiatnya yang tampil dari pelbagai cabang termasuk tekstil, hasil rimba, logam dan aneka kraf lain.

Majlis disempurnakan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah itu diiringi Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Baginda juga adalah penaung Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia (PSJKM), selaku penganjur acara berkenaan.

Tunku Azizah turut berkenan melakukan gimik pelancaran dan melawat ke reruai usahawan kraf.

Pengerusi PSJKM, Datuk Fully Chye Goet Lee, berkata tujuan ekspo ini bukan semata-mata untuk melebarkan peluang perniagaan, malah bagi mewujudkan semangat kebersamaan, mengangkat warisan budaya dan cinta kepada seni dan kraf Malaysia.

"Pameran itu disertai penggiat kraftangan tempatan daripada ahli kelab *A Home for Malaysia Crafter* bagi menonjolkan hasil seni masing-masing.

"Melalui acara ini diharap dapat memperkasa penggiat kraf tempatan serta mempromosi pelbagai produk seni dan kraf tradisional, moden dan kontemporari kepada pembeli dalam dan luar negara," katanya selepas Majlis Perasmian Program Memperkasa Penggiat Kraf Tempatan, di sini baru-baru ini.

Katanya, sejak 16 tahun lalu PSJKM giat mencungkil bakat tempatan dan membantu kelompok yang memerlukan, termasuk ibu tunggal, keluarga B40 serta komuniti Orang Asli melalui pelbagai kelas kraftangan supaya dapat menjana pendapatan sendiri.

Terbaharu, mulai Oktober, PSJKM dengan kerjasama syarikat Mostwell dan The Tunku Azizah Handmade Market (TTAHM), iaitu platform keusahawanan yang dibangunkan untuk meluaskan kraftangan tempatan dan memasarkan produk mereka kepada pelanggan bergabung dengan platfom Alibaba untuk tujuan meluaskan pasaran produk mereka.

"Justeru, semua penggiat kraf merebut peluang terbentang luas ini. Anda adalah aset berharga bagi negara dan komuniti kita.

"Mereka sudah bekerja keras untuk mencapai tahap kepakaran tinggi dan kami berharap melalui peluang ini dapat mengekspresikan bakat dan membantu menjana pendapatan dengan lebih baik," katanya.

Pelbagai hasil kraftangan penggiat seni tempatan dari seluruh negara dipamerkan, antaranya busana batik, aksesori wanita buatan tangan seperti tas tangan, gelang, rantai dan anting-anting.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUDAK MAUT TERTINGGAL DALAM KERETA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Budak maut tertinggal dalam kereta

## Bapa mangsa dikatakan terlupa hantar anak ke pusat asuhan

Oleh Faizul Azlan Razak
bhnews@bh.com.my

**Kuala Nerus:** Seorang budak perempuan berusia 16 bulan meninggal dunia selepas ditemukan tidak sedarkan diri dalam kereta di sebuah universiti awam (UA), di sini.

Siasatan awal polis yang menerima laporan kejadian itu jam 4.30 petang kelmarin, mendapati bapa mangsa dikatakan terlupa menghantar anaknya ke pusat asuhan yang terletak dalam kampus UA terbabit sebelum ke tempat kerja di universiti sama.

**Polis masih siasat**

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Abdul Rahim Md Din, berkata polis juga dimaklumkan oleh kakitangan pusat kesihatan di UA berkenaan bahawa kanak-kanak terbabit disahkan sudah meninggal dunia.

"Sebaik menerima laporan, pihak polis bergegas ke lokasi kejadian dan mendapati kanak-kanak itu sudah meninggal dunia. Mayat dihantar ke Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) untuk bedah siasat.

"Setakat ini, polis masih menjalankan siasatan," katanya yang ditemui media selepas Latih Amal Bencana Udara (EXPENYU) 2023 di Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM), di sini semalam.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUA REMAJA DIARAH CUCI TANDAS AWAM 100 JAM | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Dua remaja diarah cuci tandas awam 100 jam

**Kuala Selangor:** Dua remaja yang membakar tandas awam ketika seorang rakan mereka terperangkap di dalamnya dan kemudian maut dalam kejadian, di sini pada Ogos tahun lalu, diperintah menjalani khidmat masyarakat mencuci tandas awam selama 100 jam.

Pada prosiding di Mahkamah Majistret, di sini semalam, kedua-dua remaja lelaki berusia 16 tahun ketika kejadian itu juga diperintah berkelakuan baik dengan bon RM1,000 selama dua tahun, selain perlu melapor diri di balai polis berhampiran sebulan sekali bagi tempoh sama.

Majistret Siti Hajar Ali turut memerintahkan mereka tidak boleh keluar rumah bersendirian bermula jam 8 malam hingga jam 6 pagi, kecuali ditemani ibu bapa masing-masing serta perlu hadir bengkel dikendalikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).




*Keratan akhbar BH, 30 Ogos 2022.*

Terdahulu, kedua-dua remaja itu mengaku bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 436 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan denda.

Mengikut fakta kes, mereka didakwa melakukan khianat dengan api dan menyebabkan kebinasaan kepada tandas awam gelanggang futsal, Jalan Cakera Purnama, Fasa 3 Bandar Puncak Alam, di sini pada jam 2.47 petang, 28 Ogos tahun lalu.

Prosiding semalam turut mendengar laporan akhlak kedua-dua tertuduh dikemukakan JKM, selain pernyataan dua orang awam termasuk seorang guru.

Mangsa dalam kejadian berkenaan ditemukan rentung selepas kebakaran tandas itu dipadamkan pihak bomba.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IBU BAPA PERLU BANTU ANAK BAIKI KESILAPAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Ibu bapa perlu bantu anak baiki kesilapan

Cikgu Bersara Muda,
Cheras

**Baru-baru** ini ada laporan media yang menyebut mengenai ramai pelajar sekolah rendah gagal menguasai mata pelajaran teras seperti Matematik dan Bahasa Melayu hingga menimbulkan kebimbangan dalam hati ibu bapa. Banyak faktor disebut, malah mereka turut mengaitkan dengan silibus yang kerap bertukar dan begitu susah hingga anak-anak gagal mata pelajaran berkenaan.

Keluhan sebegini ada pro dan kontra. Sebagai ibu bapa kita tentu sahaja mahukan anak-anak yang cemerlang dalam pelajaran jadi apabila mereka gagal subjek teras ia amat membimbangkan, malah mungkin menghancurkan hati. Namun dalam masa sama kita juga perlu memainkan peranan. Sekadar meluahkan pandangan di media sosial dan mencanangkan mengenai silibus yang susah, adakah apa-apa yang akan berubah? Sedangkan ibu bapa perlu juga berusaha untuk membantu si anak.

Misalnya, jika mampu masukkan mereka ke kelas tambahan. Mungkin perlu mengeluarkan biaya, tetapi jika mahu anak berjaya bukankah itu pelaburan yang baik? Ajar anak untuk bertanya atau memberitahu guru jika tidak faham. Angkat tangan dan minta ulang. Jangan hanya diam atau tanya kawan yang sama-sama tidak tahu. Adakala guru terlepas pandang, apabila ditanya siapa tidak faham tiada pun ada yang mahu mengaku atas pelbagai alasan malu atau takut.

Seterusnya, jika tidak mampu atau enggan menghantar anak ke kelas tambahan, ibu bapa sendiri boleh berusaha untuk menguasai subjek itu untuk membantu anak. Jangan beri alasan tidak ada masa. Bukankah itu anak anda? Jadi kenapa tidak mahu berusaha lebih untuk kejayaannya. Tidak mungkinlah bila berjaya semuanya atas usaha anda sendiri tapi kalau anak gagal mudah pula salahkan silibus?

## Beri galakan, tumpu pelajaran

Satu lagi yang saya perhatikan ibu bapa yang mengeluh itu umumnya murid sekolah rendah misalnya Tahun Tiga dan Empat. Sebenarnya usia itu masih muda untuk diukur kejayaan atau kegagalan mereka pada satu kertas peperiksaan. Beri mereka galakan dan tumpuan untuk membaiki kesilapan. Luangkan masa untuk mengajar mereka. Janganlah sambil mengajar sempat pula ambil gambar dan pos di media sosial dengan tajuk, susahnya subjek Matematik sekarang!

Pada usia sembilan atau 10 tahun anak anda sedang berkembang. Mereka perlu sokongan dan dorongan. Perjalanan menuju peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) masih jauh. Masih ada banyak masa untuk membantu anak. Masih ada ruang memperbaiki kelemahan dan kesilapan.

Soal silibus susah atau mudah adalah di luar kawalan kita sebagai ibu bapa. Itu adalah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan. Benar kita sebagai orang awam ada hak untuk bersuara dan memberi pandangan. Namun, dalam masa sama kita juga perlu berusaha membantu anak untuk cemerlang dalam pelajaran.

Sekadar heboh silibus susah yang mengambil masa panjang untuk diubah, sedar-sedar anak anda sudah pun berusia 17 tahun dan bakal menduduki SPM. Sayangnya disebabkan anda lebih bersemangat hendak membetulkan silibus yang bukan dalam kawalan anda, si anak terus gagal dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Melayu! Jadilah ibu bapa yang bijak.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SISTEM MAKLUMAT BERSEPADU BANTU WARGA EMAS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Sistem maklumat bersepadu bantu warga emas



Oleh Prof Rusli Abdullah
bhrencana@bh.com.my

Timbalan Pengerusi, Kluster Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) Majlis Profesor Negara

**Kehidupan** warga emas dapat diperkasa dan dilestarikan melalui penggunaan teknologi terbaharu termasuk pengurusan kesihatan dan penggunaan ubatan serta rawatan dengan sistem maklumat warga emas (SMWE).

SMWE bercirikan sistem pintar boleh dibangunkan untuk menyimpan maklumat warga emas secara pemprofilan, sekali gus membolehkan sistem berkenaan melapor dan memberi notifikasi ingatan serta membuat cadangan bagi suatu permasalahan untuk tindakan dengan serta-merta kepada pihak lain yang terbabit.

Ia juga boleh bertindak sebagai sistem pangkalan data menyimpan semua rekod dan dihubungkan dengan sistem hospital kerajaan atau swasta bagi memantau prestasi tahap kesihatan serta keselamatan diri warga emas secara dalam talian dengan memanfaatkan teknologi internet benda (IoT) dan rumah pintar.

Malah, ia juga membolehkan warga emas menjalankan urusan lain seperti membuat tempahan untuk latihan di pusat rehabilitasi, melakukan hiburan dan e-pembelajaran, berkomunikasi secara elektronik atau secara maya dengan pegawai perubatan, selain memantau segala urusan tertentu sama ada secara rasmi dan sebaliknya.

Selanjutnya dengan sistem bersepadu dihubungkan dengan sistem perbankan ini, mereka juga dapat melakukan proses e-dagang seperti membeli-belah dalam talian seperti mendapat ubat-ubatan, makanan serta pakaian.

Bagaimanapun, terdapat pelbagai isu dan cabaran untuk memastikan penggunaan teknologi terbaharu dapat diperkasakan dalam kehidupan warga emas ini terutama pihak bertanggungjawab secara langsung seperti kerajaan untuk memastikan penyediaan perkhidmatan infrastruktur yang dapat digunakan setiap masa melalui sistem rangkaian 5G.

## NGO perlu aktif bantu warga emas

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pula boleh bergerak aktif membantu warga emas dengan memberi tunjuk ajar melalui program latihan literasi digital sama ada secara fizikal atau dalam talian.

Harus diingat, usaha ini juga memerlukan kerjasama anak dan saudara terdekat kepada warga emas untuk memudahkan penggunaan teknologi terbaharu seperti mencari, mengesan dan memaklumkan ciri-ciri terkini yang terdapat dalam sistem pintar terutama membabitkan privasi dan keselamatan data.

Di samping itu, semua pihak berkepentingan perlu memastikan setiap warga emas mempunyai alatan sokongan mesra warga seperti peranti telefon pintar dan boleh dicapai secara digital berinklusif iaitu di mana-mana dan pada bila-bila masa.

Secara umumnya, dalam usaha agar warga emas dapat menambah nilai kehidupan dan gaya hidup berpandukan alatan teknologi terbaharu, semua pihak perlu memastikan tahap capaian dan keselamatan sistem dapat dipertingkatkan serta ia bersifat mesra pengguna, manakala kebolehgunaan sistem dapat dilestarikan dari semasa ke semasa.

Ini dapat memastikan kehidupan warga emas lebih terjamin, manakala indeks kesejahteraan dan kebahagiaan dapat dipertingkatkan ke arah mewujudkan masyarakat digital atau e-kemasyarakatan 5.0.

TAJUK : WANITA ISLAM BERPOTENSI MAJUKAN SEKTOR PELANCONGAN

HARI : KHAMIS | AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 OKT 2023 | M/SURAT : 19

TONE : POSITIF | SEKTOR : KPWKM

# Wanita Islam berpotensi majukan sektor pelancongan

## Muslimah boleh usaha tempat penginapan, restoran dan spa

Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pembabitan wanita Islam dalam sektor pelancongan memiliki potensi besar bagi menyumbang pembangunan ekonomi dalam pelbagai aspek menerusi industri itu.

Ketika ini dapat dilihat ramai wanita Islam berperanan dalam mempromosikan aktiviti pelancongan seperti dinyatakan di dalam Laporan Ekonomi Negara Islam Global (SGIE) 2022 dikeluarkan oleh firma antarabangsa kajian strategik DinarStandard.

Laporan itu menunjukkan Malaysia disenaraikan di kedudukan pertama dalam menyokong ekonomi Islam global yang bernilai trilion dolar, termasuk bagi sektor Pelancongan Mesra Muslim (MFT).

Pensyarah Perancangan dan Pembangunan Pelancongan Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Asra Zaliza Asbollah, berkata ia menunjukkan muslimah turut menyumbang di dalam industri pelancongan melalui pelbagai cara termasuk menjadi pengendali perniagaan berasaskan pelancongan.

Sebagai contoh, wanita dapat membuka tempat penginapan, restoran atau perkhidmatan ejen pelancongan.

"Peranan wanita Islam dalam industri ini tidak terbatas, mereka juga berperanan di dalam pemeliharaan budaya dan tradisi tempatan termasuk pada acara dan festival tradisional.

"Ia akan dapat menjadi antara faktor penting untuk menarik lebih ramai pelancong dalam usaha mempromosikan seni dan warisan budaya tempatan terutama pelancong wanita asing," katanya.

Bagi wanita Islam yang berpendidikan, mereka mampu menjadi ejen perubahan dalam masyarakat melalui pendidikan.

### Potensi besar dalam industri

Katanya, mereka dapat memberi tunjuk ajar kepada wanita muda dalam bidang pelancongan, selain membantu memahami potensi besar dalam industri ini.

"Wanita Islam berperanan sebagai peneraju utama di dalam industri pelancongan halal dan di kebanyakan negara yang mempunyai populasi Muslim, wanita Islam berperanan penting dalam pengembangan industri pelancongan halal.

"Di Malaysia, ketika ini industri pelancongan halal menjadi antara sektor sedang berkembang pesat di dalam ekonomi global, merangkumi pelbagai perkhidmatan yang mematuhi prinsip halal.

"Industri juga membabitkan tempat penginapan, pakaian, pengangkutan, hiburan dan pelbagai lagi turut diceburi wanita," katanya.

Dalam konteks wanita Islam, industri pelancongan halal memberi peluang dengan cabaran tersendiri, iaitu melalui penyediaan perniagaan makanan dan minuman halal.

"Mereka boleh membuka restoran, kafe atau kedai berasaskan makanan halal iaitu makanan dan minuman mematuhi prinsip halal, sekali gus menjana pendapatan.

"Pusat kecantikan dan spa halal antara cabang perkhidmatan lain boleh disediakan wanita Muslim dengan menawarkan perkhidmatan sah dari segi syariah, menggunakan produk halal dan bebas bahan haram.

"Untuk perkhidmatan pelancongan kesihatan wanita Muslim boleh jururawat atau terapis menawarkan perkhidmatan kesihatan dan kecergasan mematuhi prinsip halal," katanya.

Perkhidmatan pelancongan berasaskan kesenian dan budaya antara bidang boleh diceburi wanita Islam yang berbakat.

"Mereka boleh membuka perniagaan seni khat, seni lukisan Islam atau pembuatan hasil tangan halal, sekali gus menjadi perniagaan pelancongan bagi menonjolkan seni dan budaya Islam.

Wanita Islam boleh menjadi pemandu pelancong khas untuk pelancong wanita dan secara tidak langsung dapat menawarkan pandangan unik dan membantu pelancong wanita lebih selesa ketika melancong.

> "Muslimah turut menyumbang di dalam industri pelancongan melalui pelbagai cara termasuk menjadi pengendali perniagaan berasas pelancongan"



*Asra Zaliza Asbollah,* Pensyarah Perancangan dan Pembangunan Pelancongan UniKL

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 7 BERANAK TINGGAL DALAM KERETA SELEPAS KENA HALAU | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |





MAINJ menyelamatkan tujuh beranak yang tinggal dalam kereta selama dua minggu.

# 7 beranak tinggal dalam kereta selepas kena halau

**Johor Bahru:** Sepasang suami isteri bersama lima anak kecil mereka berusia dua hingga 14 tahun terpaksa tinggal dalam kereta sejak dua minggu lalu akibat dihalau keluar kediaman berpunca masalah keluarga.

Bagaimanapun, nasib keluarga itu mendapat perhatian dan berjaya diselamatkan Majlis Agama Islam Negeri Johor (Mainj) di Hentian Rehat dan Rawat (RNR) Skudai, petang kelmarin.

Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Mainj daerah Johor Bahru, Mohd Mikail Mohf Rais berkata, maklumat mengenai keluarga itu disalurkan masyarakat di laman sosial, facebook Mainj dengan butiran lengkap.

"Selepas mendapat maklumat, kami terus ke lokasi dan bertemu dengan keluarga ini. Amat kasihan kerana mereka tinggal dan tidur di dalam kereta Proton Iswara.

"Hasil temu bual dengan ketua keluarga berusia 31 tahun, lelaki itu memaklumkan menumpang tinggal di rumah ibu mentua di sekitar Kampung Pasir, Skudai, namun dihalau atas masalah keluarga.

"Sebelum dihalau, ketua keluarga ini bekerja sambilan dengan membuat pelbagai pekerjaan. Namun sejak dua minggu lalu, dia sukar bekerja dan meninggalkan anak kecil serta isteri di dalam kereta," katanya semalam.

Menurut Mohd Mikael, keluarga itu kini ditempatkan di rumah transit Mainj selama enam bulan.

"Mainj turut menyumbangkan barangan dapur sebagai memudahkan keluarga itu. Dalam tempoh dua minggu, saya dimaklumkan empat anak pasangan ini yang berusia lima, lapan, sepuluh dan 14 tahun juga tidak bersekolah.

"Hari ini (semalam) saya dimaklumkan, ketua keluarga dalam proses mencari pekerjaan, begitu juga isterinya berusia 36 tahun yang menyatakan kesediaan bekerja sekiranya ada pihak yang sudi menjaga anak mereka.

"Mainj membantu menyediakan rumah transit selama enam bulan dengan kadar sewaan ditanggung Mainj. Tetapi dalam tempoh itu keluarga perlu berusaha untuk mendapatkan pekerjaan untuk menyara kehidupan sendiri," katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA TERLUPA HANTAR KE TASKA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bapa terlupa hantar ke taska

***Bayi perempuan berusia setahun empat bulan ditemui meninggal dunia di dalam kereta***

**Oleh Faizul Azlan Razak**
am@hmetro.com.my

**Kuala Nerus**

Seorang bayi perempuan berusia setahun empat bulan meninggal dunia selepas ditemukan tidak sedarkan diri dalam sebuah kereta di sebuah universiti awam (UA) di daerah ini, kelmarin.



*"Berdasarkan siasatan, bapa bayi berkenaan dikatakan terlupa untuk menghantar anaknya ke pusat asuhan kanak-kanak yang terletak dalam kampus terbabit"*

**Abdul Rahim**

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Abdul Rahim Md Din berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian pada 4.30 petang daripada kakitangan pusat kesihatan universiti berkenaan.

"Sebaik menerima laporan, pihak polis ke lokasi kejadian dan mendapati bayi terbabit sudah meninggal dunia.

"Berdasarkan siasatan, bapa bayi berkenaan dikatakan terlupa untuk menghantar anaknya ke pusat asuhan kanak-kanak yang terletak dalam kampus terbabit.

"Mayat dihantar ke Jabatan Perubatan Forensik Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) untuk bedah siasat dan setakat ini kita masih menyiasat kejadian ini," katanya yang ditemui selepas Latih Amal Bencana Udara (EX-PENYU) 2023 di Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) di sini, semalam.

Di samping itu, Abdul Rahim berkata, pihaknya akan mengambil keterangan daripada penjaga bayi terbabit bagi melengkapkan siasatan.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

"Pihak polis meminta orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu siasatan dan menjejaskan emosi keluarga," katanya.

TAJUK : CUCI TANDAS 100 JAM

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 OKT 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Cuci tandas 100 jam

***Hukuman terhadap 2 remaja lelaki selepas mengaku salah bakar tandas awam sehingga menyebabkan kematian rakan mereka***

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

**Kuala Selangor**

Mahkamah Majistret, di sini, semalam memerintahkan dua remaja lelaki mencuci tandas selama 100 jam selepas mengaku salah membakar tandas awam sehingga menyebabkan kematian rakan mereka, tahun lalu.

Kedua-dua tertuduh masing-masing berusia 16 tahun dijatuhi hukuman khidmat masyarakat itu selepas mereka membuat pengakuan berkenaan di hadapan Majistret Siti Hajar Ali.

Mahkamah turut mengenakan bon berkelakuan baik sebanyak RM1,000 untuk setiap seorang selama dua tahun, selain perlu melaporkan diri di balai polis berhampiran sebulan sekali dalam tempoh sama.

"Kamu tidak boleh keluar rumah sendirian bermula jam 8 malam hingga 6 pagi kecuali ditemani ibu bapa masing-masing selain kena hadir bengkel yang dikendalikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya.

> **"Kamu tidak boleh keluar rumah sendirian bermula jam 8 malam hingga 6 pagi kecuali ditemani ibu bapa masing-masing selain kena hadir bengkel yang dikendalikan JKM"**

Mengikut kertas pertuduhan, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan khianat dengan api dan menyebabkan kebinasaan kepada tandas awam gelanggang futsal, Jalan Cakera Purnama, Bandar Puncak Alam Fasa 3, di sini, jam 2.47 petang pada 28 Ogos tahun lalu.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 436 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda.

Pada prosiding sama, JKM turut mengemukakan laporan akhlak kedua-dua tertuduh selain mengemukakan dua syor termasuk berkelakuan baik.

Dua penasihat awam termasuk seorang guru yang memberikan penyataan dalam galeri mahkamah turut menegur perbuatan kedua-dua remaja lelaki itu kerana merosakkan harta awam.

"Ini juga memberikan kesan kepada keluarga mangsa. (Kedua-dua tertuduh) perlu muhasabah diri," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan tindakan dua remaja bermain api mengundang padah apabila seorang rakan mereka maut selepas terperangkap di dalam tandas awam di Bandar Puncak Alam Fasa 3 pada 28 Ogos tahun lalu.

Mangsa, Muhammad Damin Mikhail Kamsol yang berusia 16 tahun ditemukan rentung selepas kebakaran tandas itu dipadamkan pihak bomba.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LIMA LELAKI BERGADUH KERANA MASALAH HUTANG DITAHAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lima lelaki bergaduh kerana masalah hutang ditahan

**Sibu:** Lima lelaki ditahan kerana terbabit dalam pergaduhan berkumpulan sehingga menyebabkan kematian seorang penunggang motosikal warga emas di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sibu Asisten Komisioner Zulkipli Suhaili berkata, pergaduhan bersenjata yang berlaku di Lorong Wong King Hou sehingga sebuah kenderaan dinaiki satu daripada kumpulan terbabit melanggar sebuah motosikal di Jalan Alan.

Beliau berkata, polis bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima maklumat daripada orang awam berhubung kejadian jam 6.45 petang.

"Sampai di tempat kejadian, polis mendapati dua kumpulan lelaki sedang bergaduh menggunakan dua bilah kwantao iaitu sejenis senjata tradisional Cina berbentuk seperti tombak.

"Polis menahan lima lelaki yang berusia lingkungan 17 hingga 30 tahun, selain merampas dua kenderaan serta dua senjata yang digunakan dan sebatang rotan," katanya.

Menurutnya, siasatan awal mendapati pergaduhan berpunca daripada masalah hutang manakala ujian saringan air kencing mendapati kesemua suspek positif dadah jenis amphetamine, methamphetamine, ketamin, benzodiazepines dan morfin.

Zulkipli berkata kesemua suspek direman selama tiga hari sehingga 27 Oktober bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 148 Kanun Keseksaan kerana merusuh menggunakan senjata serta Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana menyebabkan kemalangan dan kematian.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BOUNCER GETS 33 YEARS, 12 LASHES FOR TEEN'S MURDER | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

DEATH SENTENCE COMMUTED

# Bouncer gets 33 years, 12 lashes for teen's murder

**KOTA KINABALU:** A bouncer, who was convicted of murdering a student outside a bar in Asia City seven years ago, escaped the gallows yesterday.

Azmin Lidin, 36, however, was sentenced by the Federal Court here to 33 years imprisonment plus 12 strokes of the cane.

Federal Court judges Datuk Rhodzariah Bujang, Datuk Nordin Hassan and Datuk Abdul Karim Abdul Jalil meted out the sentence to Azmin after hearing submissions from both parties.

Azmin, who appeared calm in the dock, was ordered to serve the custodial sentence from the date of arrest – Dec 16, 2016.

Azmin had, on May 17, 2018, been sentenced to death by the High Court here after he was found guilty of murdering 18-year-old Yaacob Nasran between 3.30am and 4.30am on Dec 15, 2016 outside the Siam Thai Bar, Jalan Asia City.

The offence under Section 302 of the Penal Code carries the death penalty on conviction.

The Court of Appeal affirmed the conviction and death sentence in May 2019.

Earlier, Azmin was appealing against his conviction and sentence.

Counsel Hamid Ismail, who represented Azmin, told the court that the prosecution had accepted his representation letter to substitute the mandatory death penalty sentence to a prison sentence.

This is in view of the Abolition of Mandatory Death Penalty Act 2023 with the condition that the defence withdraw the appeal against conviction.

Under the Act, the court has the discretion to sentence the accused to death, or imprisonment between 30 and 40 years, and if not sentenced to death, the convict shall also be punished with 12 strokes of the cane.

Deputy public prosecutor Tetralina Ahmad Fauzi confirmed the matter.

During mitigation, Hamid urged for leniency saying that the accused was a first-time offender.

"He did not commit the offence due to revenge or vengeance. It happened spontaneously," adding that the accused was remorseful with what had happened.

DPP Tetranila requested an imprisonment sentence between 33 and 40 years, and whipping to be imposed on the accused.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ARSON: TWO TEENGERS SENTENCED TO CLEAN TOILETS FOR 100 HOURS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



The two teenagers are pictured at the court. — Bernama photo

# Arson: Two teenagers sentenced to clean toilets for 100 hours

**KUALA SELANGOR:** Two teenagers were sentenced to community service of washing toilets for 100 hours over a period of six months by the Magistrates' Court here yesterday for causing mischief by fire involving a public toilet in Bandar Puncak Alam here last year.

Magistrate Siti Hajar Ali also ordered a good behaviour bond of RM1,000 each for two years in addition to reporting to the nearest police station once a month during the same period, after the two juveniles pleaded guilty.

"You also cannot leave the house alone from 8pm to 6am unless accompanied by your parents. You have to attend a workshop run by the Department of Social Welfare (JKM)," she said.

According to the charge, the two 16-year-old students committed mischief by fire which caused the destruction of the public toilet of a futsal court in Phase 3 of Bandar Puncak Alam here at 2.47pm on Aug 28, 2022.

The charge was framed under Section 436 of the Penal Code which provides for a prison sentence of up to 20 years and a fine.

Earlier in the proceedings, the JKM submitted a social report on the two accused.

Two public advisers also gave a statement in the court gallery reprimanding the actions of the two accused who destroyed public property and caused the death of their friend Muhammad Damin Mikhail Kansol, 16.

Deputy public prosecutor Muhammad Afiq Qiwamuddin Mustapha Shakri also asked for appropriate punishment to be imposed on the two accused because the incident involved public interest.

Also present in the proceedings was the legal observer lawyer Johan Ariff Salim Khan representing the victim's family.

Both accused were not represented by lawyers throughout the proceedings.

Muhamad Damin was found dead in the public toilet after the two accused had played a prank by setting a sofa there on fire. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BABY GIRL FIES AFTER BEING LEFT IN CAR AR PUBLIC UNIVERSITY | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Baby girl dies after being left in car at public university

**KUALA TERENGGANU:** A 16-month-old baby girl died after allegedly being left inside a car at a public university in the Kuala Nerus district.

Terengganu police chief ACP Abd Rahim Md Din said police received a report about the toddler who had died when brought to the student health centre at the university at about 4.30pm on Oct 24.

"A post-mortem was conducted at the Sultanah Nur Zahirah hospital last night (Oct 24). The police are awaiting the report to find out the cause of death," he said when contacted yesterday.

Abd Rahim said that initial investigation revealed that the incident occurred after the baby's father forgot to drop off his child at the university's daycare centre in the morning.

An investigation paper was opened under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FEMALE MOTORCYCLIST BADLY HURT AFTER COLLISION WITH CAR | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Medical personnel attend to the victim at the scene of the crash.

# Female motorcyclist badly hurt after collision with car

**KUCHING:** A female motorcyclists was badly injured following a collision with a car at Jalan Stapok here yesterday morning.

The 24-year-old woman was travelling towards Batu Kawa when the incident happened near a residential junction around 8.30am.

The impact sent her flying off her machine and onto the car's windshield.

Passing motorists immediately came to her aid and called for an ambulance.

A medical team upon arrival administered first aid on the victim before transporting her to Sarawak General Hospital, where she was placed in the Red Zone for further treatment.

TAJUK : MUM, TEEN DAUGHTERS NABBED FOR BURGLARY

HARI : KHAMIS AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 26 OKT 2023 M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF SEKTOR : KPWKM

# Mum, teen daughters nabbed for burglary

**KUALA TERENGGANU:** A woman and her two teenage daughters have been arrested for allegedly committing a string of burglaries in the state, Terengganu police said yesterday.

Terengganu police chief Datuk Mazli Mazlan said the 33-year-old woman and her children, aged 13 and 14, were nabbed at 7.05pm on Monday in Kampung Binjai, Kemaman while trying to flee in a car.

Police found two sharp objects and an assortment of items believed to be stolen goods, including jewellery, handbags, cash and wristwatches, in the car's boot.

"The 33-year-old suspect also tested positive for methamphetamine. Preliminary investigations show that she has a criminal record for three offences and is also wanted for burglaries in Johor," he told a news conference, Bernama reported.

He said the woman used fake registration plates on her car while driving around to look for targets, and that she had confessed to breaking into five houses in Kemaman and Johor this year.

"She targeted senior citizens staying alone. Her children would attract the victim to engage in a conversation outside the house before she entered to ransack it," he added.

Police believe that she is part of a larger syndicate and was in the midst of tracking down its other members.

On another case, Mazlan said the investigation on a trader who had flown an Israeli flag in Bukit Payong, Marang, has been completed.

"The case is being investigated under Section 5 of the Emblems and Names Act 1963 and Section 14 of the Minor Offences Act 1955 for committing acts to disturb the peace and Section 39C of the Dangerous Drugs Act.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TRIBUNAL TO START BY END OF YEAR | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tribunal to start by end of year

## Nancy: Anti-Sexual Harassment panel to have a diverse representation

By FAZLEENA AZIZ
and FATIMAH ZAINAL
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The Tribunal for Anti-Sexual Harassment will be operating before the end of December, says Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

The ministry has obtained approval to appoint a president and a deputy president, 10 panel members as well as 20 supporting staff members in the establishment of a tribunal related to the Anti-Sexual Harassment Act, she said.

The panel, she added, will have a diverse representation and a multiracial composition including one representative each from Sabah and Sarawak.

"The tribunal will comprise a president and deputy president. Both will be coming from the Attorney General's Chambers.

"As for the 10 panel members, five will be those with legal training and the other five will be those with experience working on sexual harassment cases such as from NGOs," she said in an interview yesterday.

She said the president, deputy president and panel members would determine the standard operating procedure (SOP) for the cases to be handled.

The ministry, she said, will begin advertising the vacancies for the 20 supporting staff members soon, adding that the tribunal will be operating from the Women, Family and Community Development Ministry in Putrajaya.

"It will have to start operating before the end of December. That is our target," she said.

She said the tribunal should become the "third force" for victims seeking recourse.

While there were laws in place such as the Sexual Offences Act and the Criminal Procedure Code as well as internal procedures practised by companies and organisations in dealing with sexual harassment cases, Nancy said these were not enough.

"This (the tribunal) is something we can use to support the 60% women coming back to work so that at least they feel safe when they have something like this," she said, in reference to the government's efforts to increase female labour participation from 56.2% to 60%.

While companies had their own internal procedures in dealing with sexual harassment complaints, Nancy pointed out that some employers may be against them for fear of its impact on the organisation's image.

"If you just depend on internal disciplinary processes, you may not go anywhere as they (the employers) are the ones in control.

"So we need to provide this tribunal as a third force," Nancy said.

That's why we want to set it up quickly."

Nancy added that the tribunal may also order victims to be compensated, which is another form of remedy for them.

Under the Act, anyone who has committed sexual harassment may end up paying the victims up to RM250,000 in compensation or, in default, serve a two-year jail term.

The tribunal is provided for under the Anti-Sexual Harassment Act, which was gazetted on Oct 18 last year.

Among others, the Act provides for rights of redress for any person who has been sexually harassed, and a Tribunal for Anti-Sexual Harassment to hear complaints on sexual harassment, raise awareness, and prevent the occurrence of sexual harassment.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ROHINGYA WOMAN, TEEENAGE DAUGHTERS NABBED OVER BURGLARY | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Rohingya woman, teenage daughters nabbed over burglary

**KUALA TERENGGANU:** Police here have arrested a Rohingya woman and her two underage daughters for allegedly working with a syndicate to commit burglaries.

State police chief Datuk Mazli Mazlan said the 33-year-old woman and her children, aged 13 and 14, were nabbed at about 7pm on Monday in Kampung Binjai, Kemaman while trying to flee in a car.

Two sharp tools and an assortment of belongings believed to be loot, including jewellery, bags, cash and wristwatches were found in the car boot.

"The suspect tested positive for methamphetamine. Preliminary investigations showed she has three criminal records and is also wanted for housebreaking in Johor," he told a news conference yesterday.

He said the woman used false number plates when driving around to commit housebreaking and had confessed to being involved in five burglaries in Kemaman and Johor this year.

"She targeted senior citizens staying alone. Her children would attract the victim to engage in a conversation outside the house before she entered to ransack it."

Mazli added that police were tracking down other members of the housebreaking syndicate.

On the case of a trader flying the Israeli flag in Bukit Payong, Marang last week, he said police had completed the investigation paper and would submit it to the state prosecutor's office.

"The case was investigated under Section 5 of the Emblems and Names (Prevention of Improper Use) Act 1963 and Section 14 of the Minor Offences Act 1955 for committing acts to disturb the peace and Section 39C of the Dangerous Drugs Act 1952.

"Investigations showed the suspect has five records in connection with crimes related to drugs and violence." – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JPJ MASIH DALAM PERINGKAT ‘MEMBERI KESEDARAN’ PENGGUNAAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# JPJ masih dalam peringkat ‘memberi kesedaran’ penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak

**KUCHING:** Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menjelaskan bahawa jabatan itu masih dalam peringkat ‘memberi kesedaran’ untuk ketetapan yang mewajibkan penumpang kenderaan berumur antara sifar dan 12 tahun menggunakan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak (CRS).

Jabatan itu juga berkata tiada arahan penguatkuasaan dikeluarkan untuk mereka mengambil tindakan terhadap pemandu yang didapati membawa kanak-kanak antara umur tersebut tanpa menggunakan CRS.

Ia berkata demikian susulan daripada maklum balas kepada kenyataan Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Dr Azizan Abdul Aziz pada 24 Oktober lepas yang menegaskan tiada penguatkuasaan dilaksanakan di Malaysia untuk menggunakan CRS walaupun peraturan itu berkuat kuasa pada 1 Januari 2020 untuk kenderaan persendirian.

Kenyataan MMA itu susulan laporan berita terbaru seorang kanak-kanak tercampak keluar dari kereta yang sedang bergerak membuat pusingan U di persimpangan lampu isyarat di Jalan Sultan Yahya Petra di Kota Bharu, Kelantan pada 17 Oktober lepas.

Ketika kejadian, mangsa juga dikatakan dilanggar dua buah kereta selepas dia terpelanting keluar dari kenderaan itu.

Kanak-kanak itu kemudiannya diselamatkan dari tengah jalan oleh seorang penunggang motosikal.

Pada 1 Januari 2020, undang-undang itu telah dilaksanakan untuk kenderaan persendirian.

Peraturan menyatakan bahawa CRS yang digunakan di Malaysia mesti mematuhi piawaian UNR (Peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) (R44 atau R129) dan kanak-kanak mesti mempunyai berat kurang daripada 36kg atau dengan ketinggian kurang daripada 136cm atau berumur di bawah 12 tahun.

MMA juga berkata lebih banyak kesedaran juga diperlukan mengenai MyCRS, program subsidi untuk kumpulan B40 (berpendapatan rendah) dan M40 (berpendapatan sederhana) untuk pembelian kerusi keselamatan kanak-kanak yang ditaja oleh kerajaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LIMA DITAHAN BERGADUH, SEBABKAN KEMATIAN WARGA EMAS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 26 OKT 2023 | M/SURAT | : | 01&02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lima ditahan bergaduh, sebabkan kematian warga emas

**SIBU:** Polis menahan lima lelaki bagi membantu siasatan berhubung insiden pergaduhan menggunakan senjata dan kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian seorang lelaki warga emas di sini, awal pagi kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 6.45 pagi, pihak polis menerima maklumat berhubung satu pergaduhan membabitkan lima individu yang berusia antara 17 dan 30 tahun di Lorong Wong King Huo.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili berkata, pasukan polis yang bertindak atas maklumat bergegas ke lokasi kejadian dan mendapati lima lelaki warga tempatan sedang bergaduh.

"Polis berjaya menahan kelima-lima suspek dan merampas dua kenderaan masing-masing sebuah SUV dan sebuah kereta kompak serta senjata yang digunakan termasuk dua bilah senjata jenis 'kwangtao' dan sebatang rotan.

"Siasatan awal polis mendapati punca kejadian adalah disebabkan masalah hutang di antara kedua-dua pihak," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.



**BAHAN KES:** Kereta SUV yang dirampas setelah polis menahan lima lelaki disyaki terlibat dalam kes pergaduhan di Sibu, pagi kelmarin.

Lihat Muka 2

## Lima ditahan bergaduh, sebabkan kematian warga emas

Dari Muka 1

Terdahulu katanya, dua kenderaan yang dinaiki suspek terlibat dalam aksi kejar-mengejar sehingga mengakibatkan seorang penunggang motosikal berusia 71 tahun maut dipercayai dilanggar salah sebuah kenderaan terbabit di Jalan Alan.

Zulkipli berkata, kesemua suspek dan barang rampasan dibawa balik ke Balai Polis Sentral Sibu untuk tindakan lanjut.

"Hasil ujian saringan air kencing mendapati kesemua suspek postif dadah jenis Amphetamine, Methamphetamine, Ketamin, Benzo dan MOP," katanya.

Menurut Zulkipli, kesemua suspek kini ditahan reman selama tiga hari sehingga 27 Oktober bagi membantu siasatan polis.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 148 Kanun Keseksaan kerana merusuh menggunakan senjata dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya.

"Manakala bagi kesalahan kemalangan dan meyebabkan kematian, kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM50,000," jelasnya.

Sementara itu, Zulkipli menyeru orang ramai agar tidak membuat sebarang kenyataan atau spekulasi berhubung kejadian kerana kes tersebut hanya melibatkan tuntutan hutang antara kedua-dua pihak.

"Pihak polis memandang serius kejadian seumpama ini dan akan mengambil tindakan mengikut lunas undang-undang terhadap mana-mana individu yang menimbulkan kekacauan dan mengganggu gugat ketenteraman awam," tambah beliau.